

# Pelan integriti agensi awam

ANIS RIZANA MOHD ZAINUDDIN

**D**alam satu kenyataan, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad, secara terbuka menyatakan bahawa rasuah perlu diisytiharkan sebagai 'musuh nombor satu negara'.

Beliau menegaskan rasuah yang berlaku ketika ini bukan lagi ancaman biasa kerana ia mampu menggugat kesejahteraan dan keselamatan rakyat sehingga menyebabkan sesebuah negara yang stabil menjadi kacar-kacir (*Sinar Harian*, 30 Julai 2017). Dengan itu rakyat secara kolektif perlu membenci, menolak dan berani mengatakan tidak kepada rasuah dan salah guna kuasa.

Justeru, kerajaan telah melaksanakan inisiatif berbentuk struktural dan fungsional dalam memperkasa benteng integriti sektor awam.

Kerajaan telah mewujudkan satu mekanisme khusus dikenali Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) sebagaimana termaktub di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 1998. JKP ditubuhkan

di semua peringkat pentadbiran meliputi pentadbiran pusat, negeri dan daerah serta menyediakan platform tadbir urus yang sistematik dan efektif untuk pelaporan dan pemantauan semua peringkat kerajaan secara sistematik serta berterusan setiap tiga bulan.

Transformasi penambahbaikan tadbir urus kerajaan diteruskan melalui penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Menurut Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2009, JKJU memberi fokus kepada pengukuhan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam berteraskan aspek integriti merangkumi tujuh (7) terma rujukan meliputi Dasar dan Perundangan, Sistem dan Prosedur Kerja, Nilai-nilai Murni dan Kod Etika, Pengurusan Pelanggan, Kawalan Dalaman, Tindakan Punitif dan Pemulihan, serta Pengiktirafan dan Penghargaan.

Beberapa inisiatif besar terhasil menerusi pengukuhan mekanisme tadbir urus kerajaan ini iaitu seperti pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1998 mengenai Garis Panduan Pembertan dan Penerimaan Hadiah dalam

Perkhidmatan Awam; Pekeliling Am Bil 4 Tahun 1999 mengenai Modul Pengurusan Integriti dan penubuhan Unit Pematuhan (kini dikenali sebagai Unit Integriti - UI) di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2014, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Transformasi JKJU kepada JITU ini merupakan satu usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan kerajaan yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti tinggi.

Dalam merealisasikan hasrat menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan pembentukan masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dibangunkan untuk memberikan hala tuju serta bimbingan mengenai pembudayaan nilai dan amalan murni kepada semua sektor masyarakat.

Bagi menyahut aspirasi ini, proses penginstitutionan integriti di sektor awam telah dilakukan menerusi penubuhan Unit Integriti (UI) di semua

agensi awam sejak 2013 lagi.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, kerajaan telah menetapkan bahawa kesemua 887 buah agensi awam menubuhkan UI masing-masing. Proses penginstitutionan integriti di agensi awam telah diterjemahkan melalui pelaksanaan enam (6) fungsi teras UI di setiap agensi awam iaitu Tadbir Urus; Pengukuhan Integriti; Pengesanan dan Pengesanan; Pengurusan Aduan; Pematuhan; dan Tata tertib. Dalam merealisasikan proses pemantapan Integriti, penyediaan Pelan Integriti Organisasi (PIO), Kod Etika, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat diberi tumpuan.

Unit Integriti ini diketuai Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer - CEO) yang berperanan merancang, melaksanakan dan memantau keberkesanan program integriti dan pencegahan rasuah di agensi masing-masing. Keabadian dan peranan pegawai CEO amat penting bagi meningkatkan kecakapan tadbir urus dan pengukuhan integriti di agensi kerajaan. UI dan pegawai CEO diharap berperanan

secara imperatif dan efektif dalam menjuarai gerakan pembarterasan isu membabitkan integriti di sesebuah organisasi sehingga ke peringkat akar umbi.

Segala inisiatif yang dilakukan berterusan ini jelas menunjukkan kerajaan memiliki dasar jelas dan mekanisme tersusun dalam memantapkan sistem pentadbiran dan pengurusan awam.

Justeru, menjadi tanggungjawab bagi semua penjawat awam untuk bertindak bagi merealisasikan agenda pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan sebagai refleksi kesetiaan kepada negara.

Dengan demikian, pelanggaran integriti seperti penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya dapat dibendung dan disingkirkan daripada perkhidmatan awam dan akhirnya matlamat untuk melahirkan sektor awam berintegriti tinggi dapat dicapai.

\* Penulis ialah Felo Penyelidik Kanun Institut Tadbiran Awam Negara (Intare)